



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 Disember 2022  
29 Jamadilawal 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• 107 set bubu naga RM12,840 dirampas
Harian Metro	• Penternak kerugian RM30,000 ikan sangkar mati, terlepas ke sungai
Kosmo !	•
Sinar Harian	• 107 set bubu naga bernilai RM12,000 dirampas
The Star	•
The Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			29	24/12/2022

## 107 set bubu naga bernilai lebih RM12,000 dirampas

**ALOR SETAR** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kuala Kedah berjaya merampas 107 set bubu kambang atau bubu naga dalam operasi khas yang dijalankan di empat lokasi sepanjang perairan Yan pada Khamis.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak berkata, operasi khas membanteras bubu naga itu dilaksanakan berikutan terdapat aduan yang diterima pihak Maritim Malaysia.

Katanya, empat lokasi rampasan bubu naga terbabit adalah di sekitar 0.4 batu nautika hingga 0.8 batu nautika merangkumi sekitar Kuala Sedaka sehingga ke perairan Kuala Sala.

"Semasa rondaan dilakukan, anggota bot ronda Maritim Malaysia menemui pelampung penanda dan pancang yang mencurigakan.

"Ia dipasang pada setiap bubu naga berukuran lebih kurang 10 meter panjang di beberapa lokasi," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Jumaat.

Menurutnya, kesemua bubu naga yang dianggarkan bernilai RM12,840 itu dirampas dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk disiasat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985.



Antara bubu kambang yang dirampas dan dibawa pulang ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk siasatan.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		20	24/12/2022



NAIM Man meninjau ikan sangkar di tempat penternakannya di Kampung Pantai Ali.

meto 24hb ms20

## Penternak kerugian RM30,000 ikan sangkar mati, terlepas ke sungai

**Kuala Berang:** "Kerugian buat masa ini mencecah RM30,000 selepas banyak ikan yang mati selain ada yang terlepas ke sungai," kata Zakaria Ismail, 65, Ketua Kelompok Penternak Ikan Sangkar di Kampung Pantai Ali di sini.

Menurutnya, banjir luar

biasa yang berlaku kali ini mengakibatkan ikan di dalam tiga sangkar miliknya terlepas berikutan sangkar tidak dapat terapung selepas ditolak arus deras ke tebing.

Katanya, akibat itu ikan talapia yang berada di dalam salah satu sangkar mati ke-

semuanya berikutan kualiti air yang berlumpur dengan jumlah kerugian mencecah RM30,000.

"Limpahan air Sungai Telomong kali ini lebih tinggi berbanding banjir yang berlaku pada Februari lalu, namun arus tidak deras secara tidak langsung mengurang-

kan impak kerosakan.

"Selain itu, 27 penternak lain sudah mengikat sebanyak 250 sangkar bagi mengelak berlaku kerosakan lebih teruk," katanya.

Katanya, secara kebiasaan air bercampur lumpur tebal mengakibatkan ikan mudah mati selain arus deras juga



PENTERNAK ikan sangkar di Kampung Pantai Ali mengehadkan ikan dari sangkar sebelum dijual.

dapat merosakkan sangkar sekiranya tidak diikat dengan kemas.

Sementara itu, peserta, Abdul Aziz Mamat, 34, berkata dia mempunyai sembilan sangkar dan banjir kali ini hanya satu sangkar saja yang mengalami kerosakan.

"Pengalaman saban tahun dilanda banjir mendorong saya tidak memasukkan ikan ke dalam empat sangkar yang terletak di bahagian menghala ke tengah sungai sejak bulan lalu kerana sudah menjual ikan ini lebih awal.

"Strategi itu berhasil kali ini apabila dapat mengu-

rangkan kerugian akibat kematian atau risiko ikan terlepas," katanya.

Penternak lain, Naim Man Mohd Abdullah, 29, berkata dia mempunyai 22 sangkar yang diusahakan secara berkelompok di kawasan itu.

"Alhamdulillah, buat masa ini saya tidak mengalami kerugian besar kerana kesemua pukat yang dipasang pada sangkar tidak mengalami kerosakan.

"Hanya 14 kolam saja mempunyai ikan dan selebihnya kolam kosong kerana tidak dimasukkan ikan bagi mengelak kerugian besar akibat banjir," katanya.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		24	24/12/2022


# 107 set bubu naga RM12,840 dirampas

**Kuala Kedah:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Zon Maritim Kuala Kedah merampas 107 set bubu kumbang atau bubu naga dalam operasi khas yang dilakukan di empat lokasi sepanjang perairan Yan, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak, berkata operasi khas membanteras bubu naga itu dilaksanakan, berikutan terdapat aduan yang diterima Maritim Malaysia.

Beliau berkata, empat lokasi rampasan bubu naga terbabit adalah di sekitar 0.4 batu nautika hingga 0.8 batu nautika merangkumi sekitar Kuala Sedaka sehingga ke perairan Kuala Sala.

"Ketika rondaan dilakukan, anggota bot ronda Maritim



Anggota Maritim Malaysia mengangkat bubu naga dalam operasi khas di empat lokasi sepanjang perairan Yan. (Foto ihsan Maritim Malaysia)

Malaysia menemui pelampung penanda dan pancang yang mencurigakan.

"Ia dipasang pada setiap bubu naga berukuran lebih kurang

10 meter panjang di beberapa lokasi.

"Kesemua bubu naga berkenaan dirampas dan dianggarkan bernilai RM12,840. Ia dibawa ke

SH 24116 MS 24

Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985," katanya dalam kenyataan hari ini.

Noor Azreyanti berkata, Maritim Malaysia melihat penggunaan bubu naga itu perlu dicegah bermula dengan penjualan di darat.

Katanya, tindakan rampasan juga tidak begitu memberi kesan kerana pengguna masih boleh membeli bubu naga lain berikutan harganya didakwa murah di pasaran.

Beliau mengingatkan, nelayan agar mematuhi undang-undang dan tidak melanggar syarat lesen, termasuk melarang penggunaan bubu naga kerana boleh menjejaskan ekosistem marin.